

Bruneian at Heart

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

Lot 159, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS8711,
Negara Brunei Darussalam
Pusat Perhubungan +673 223 8181 | www.bibd.com.bn



Terma dan Syarat
Terms and Conditions

Lembaran Fakta
Factsheet



TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat ("Terma") di dalam ini hendaklah terpakai bagi semua Kad Kredit yang dikeluarkan oleh Bank Islam Brunei Darussalam Berhad ("Kad BIBD"). Setelah pengeluaran Kad BIBD dan pengaktifan Kad BIBD, Ahli Kad dianggap telah menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma berikut:

1. TAKRIFAN

1.1 Dalam Terma dan Syarat ini:

"**Yuran Pengurusan**" bermakna jumlah bulanan yang dikira pada kadar yang ditetapkan oleh Bank bermula dari Tarikh Akhir sehingga jumlah yang tertunggak daripada transaksi yang telah dibayar;

"**Al-Wakalah Bil Ujrah**" bermakna Bank bertindak bagi pihak Ahli Kad untuk menguruskan pembayaran Ahli Kad kepada Peniaga melalui Visa dan / atau MasterCard bagi penggunaan cap dagang Visa dan / atau MasterCard dan menguruskan Akaun Kad dengan yuran yang dikenakan;

"**Permohonan**" bermakna suatu permohonan bagi pengeluaran Kad mengikut Terma ini;

"**Pihak Berkuasa**" bermakna Autoriti Monetari Brunei Darussalam;

"**ATM**" bermakna Mesin Juruwang Automatik (ATM) atau mana-mana mesin kendalian kad yang menerima Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada mesin yang dipunyai oleh Bank atau rangkaian ATM Visa dan / atau MasterCard;

"**Bank**" bermakna Bank Islam Brunei Darussalam Berhad, anak syarikat, pengganti dan penerima serah hak yang dibenarkan;

"**Kad**" bermakna Visa dan / atau MasterCard BIBD, yang dikeluarkan oleh Bank mengikut Terma ini termasuk Kad yang dikeluarkan oleh Bank melalui urusan khas dengan pertubuhan, kelab atau mana-mana entiti yang sah dan apa-apa pembaharuan atau penggantian daripadanya, dan tertakluk kepada Klausu 9, termasuk Kad Tambahan;

"**Akaun Kad**" bermakna akaun yang dibuka dan dikekalkan dengan Bank atas nama Ahli Kad Utama mengikut Terma ini;

"**Transaksi Kad**" bermakna sebarang pembayaran yang dibuat atau Pengeluaran Wang Tunai atau apa-apa jumlah yang dicaj bagi mana-mana barangan, perkhidmatan dan / atau faedah lain oleh, menerusi atau daripada penggunaan Kad atau PIN atau dalam apa-apa cara atau bentuk lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada pesanan atau tempahan melalui mel, telefon, faksimili, tidak kira sama ada draf jualan atau pendahuluan wang tunai / pembayaran atau baucar atau bentuk lain yang ditandatangani oleh Ahli Kad;

"**Ahli Kad**" bermakna orang yang kepadanya suatu Kad dikeluarkan termasuk Ahli Kad Tambahan;

"**Pengeluaran Wang Tunai**" bermakna mana-mana pengeluaran wang tunai dari Akaun Kad dalam had yang ditetapkan oleh Bank dalam mana-mana matawang, dalam bentuk wang tunai atau lain-lain bentuk pembayaran, yang diperolehi melalui penggunaan Kad di mesin-mesin ATM, Bank, atau bank-bank lain atau institusi-institusi kewangan yang mengambil bahagian.

"**Had Kad**" bermakna baki maksimum yang dibenarkan di bawah Akaun Kad seperti yang dimaklumkan oleh Bank kepada Ahli Kad Utama dari semasa ke semasa;

"**Had Bergabung**" bermakna gabungan Had Kad bagi kesemua Akaun Kad yang dipegang oleh Ahli Kad dan Ahli Kad Tambahan;

"**Tarikh Akhir**" merujuk kepada tarikh di mana pembayaran perlu dibuat berkenaan dengan bayaran tertunggak atau Pembayaran Minimum yang perlu dibuat oleh Ahli Kad dalam tempoh 30 hari dari tarikh Penyata;

"**Perilaku Keingkaran**" bermakna mana-mana perilaku yang dinyatakan dalam Klausu 14 Terma ini;

"**ibra**" bermakna 'rebat' sebagaimana yang dinyatakan dalam Klausu 8.3 Terma ini;

"**Keterhutangan**" bermakna jumlah keseluruhan liabiliti Ahli Kad yang perlu dibayar kepada Bank berhubung dengan atau berkaitan dengan Akaun Kad dan / atau Terma ini termasuk tetapi tidak terhad kepada semua Transaksi Kad, yuran, caj dan perbelanjaan (termasuk kos guaman) sama ada yang sebenar atau kontinjens pada bila-bila masa;

"**Pedagang**" bermakna mana-mana peruncit atau pertubuhan kecuali peruncit atau pertubuhan yang menawarkan / urusan yang diluluskan Syariah, iaitu, barangan dan perkhidmatan Halal, yang menerima Kad BIBD sebagai medium pembayaran bagi pembelian barangan dan / atau perkhidmatan mereka dan pembayaran tersebut akan dicaj kepada Akaun Kad;

"**Bayaran Minimum**" bermakna jumlah yang ditetapkan mengikut Klausu 6.6;

"**Baki Baru**" bermakna jumlah yang tertunggak pada Akaun Kad mengikut rekod Bank pada tarikh Penyata dikeluarkan;

"**Tarikh Akhir Pembayaran**" bermakna tarikh yang dinyatakan dalam Penyata bagi pembayaran Baki Baru atau mana-mana daripadanya termasuk Bayaran Minimum;

"**Nombor Pengenal Peribadi (PIN)**" bermakna kod nombor yang ditetapkan oleh Bank atau ditentukan oleh Ahli Kad untuk membolehkan Pemegang Kad untuk mendapatkan perkhidmatan tertentu yang berkaitan dengan penggunaan Kad. PIN untuk Kad akan dikeluarkan dan dihantar kepada Ahli Kad atas risiko Ahli Kad sendiri. PIN adalah sulit dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana orang dalam apa jua keadaan atau ditulisi, jika gagal mana-mana penggunaan yang tidak dibenarkan akan ditanggung oleh Ahli Kad;

"**Ahli Kad Utama**" bermakna orang yang namanya ada pada Akaun Kad dan atas permintaan, Kad Tambahan telah dikeluarkan oleh Bank kepada Ahli Kad Tambahan;

"**Had Berasingan**" bermakna Had Kad individu dari setiap Akaun Kad yang dipegang oleh Ahli Kad yang memerlukan Ahli Kad untuk memberikan Bank dengan cagaran bagi had tambahan yang diminta;

"**Penyata**" bermakna penyata bulanan yang dikeluarkan oleh Bank bagi Akaun Kad sama ada melalui pos ke alamat yang diberikan oleh Ahli Kad semasa permohonan atau melalui e-penyata di mana Ahli Kad boleh menggunakan perkhidmatan perbankan internet Bank;

"**Kad Tambahan**" bermakna Kad yang dikeluarkan kepada Ahli Kad Tambahan;

"**Ahli Kad Tambahan**" bermakna orang yang kepadanya suatu Kad Tambahan dikeluarkan oleh Bank;

"**Terma**" bermakna terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini yang mengawal perjanjian antara Bank dan Ahli Kad berkaitan dengan pengeluaran dan penggunaan Kad Bank dan yang mungkin ditambah atau dipinda dari semasa ke semasa; dan

"**Tempoh Sah**" bermakna tempoh di mana Kad sah digunakan seperti yang ditentukan oleh Bank. Bank boleh, mengikut budi bicara mutlakny, melanjutkan atau memendekkan tempoh sah Kad.

1.2 Perkataan yang merujuk kepada bilangan tunggal hendaklah termasuk bilangan jamak dan sebaliknya.

1.3 Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki juga merujuk kepada jantina perempuan dan neuter.

1.4 Rujukan kepada seseorang termasuklah rujukan kepada pemilik tunggal, rakan kongsi, syarikat firma, pertubuhan atau entiti lain.

1.5 Rujukan kepada Klausu adalah klausu Terma ini.

1.6 Tajuk-tajuk kepada Klausu adalah untuk rujukan sahaja dan tidak boleh diambil kira dalam tafsiran atau pembinaan Terma ini.

2. PENGUTIPAN KAD

2.1 Bank boleh menghantar Kad dan mana-mana pembaharuan atau penggantinya melalui pos ke alamat yang dimaklumkan kepada Bank oleh Ahli Kad atas risiko tunggal Ahli Kad atau Ahli Kad boleh mengambil sendiri Kad.

2.2 Apabila Ahli Kad telah memberi kuasa kepada Bank untuk menyerahkan Kad kepada pihak lain untuk mengambil Kad bagi pihaknya, Ahli Kad berbuat demikian atas risiko sendiri dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang mungkin dialami atau dideriti oleh Ahli Kad, secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan tindakan Bank.

2.3 Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan Terma ini, Bank berhak untuk tidak bertindak ke atas kebenaran dari Ahli Kad untuk menyerahkan Kad kepada pihak lain jika sekiranya difikirkan bahawa dengan menyerahkan Kad, Bank dan / atau Ahli Kad mungkin menanggung atau mengalami sebarang kerugian atau kerosakan.

2.4 Setelah menerima Kad, Ahli Kad mestilah menandatangani Kad dengan serta merta. Semua kemudahan yang disediakan oleh Bank kepada Ahli Kad berkaitan dengan Kad dan Akaun Kad adalah tertakluk kepada terma dan syarat di sini.

3. SEKATAN DALAM PENGGUNAAN MAKLUMAT AHLI KAD

3.1 Ahli Kad adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan tidak ada orang lain mempunyai akses terhadap atau menggunakan Kad semasa Tempoh Sah.

3.2 Kad adalah kekal sebagai harta Bank pada setiap masa. Atas permintaan Bank yang dibuat pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknyanya, Ahli Kad hendaklah dengan serta merta menyerahkan kepada Bank Kad yang telah dipotong dua.

3.3 Ahli Kad dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa penggunaan Kad adalah terhad kepada aktiviti atau transaksi yang tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Syariah. Ahli Kad seterusnya mengakui dan bersetuju bahawa Kad tidak boleh digunakan untuk memudahkan pembayaran yang berkaitan dengan aktiviti, barangan dan / atau perkhidmatan yang dilarang oleh prinsip-prinsip Syariah yang pada masa ini adalah seperti berikut:

- Tempat-tempat di mana minuman arak dihidang dan / atau dijual;
- Mana-mana kelab malam, pub, perkhidmatan pengiring dan temu janji; dan
- Mana-mana transaksi perjudian.

Ahli Kad mengakui bahawa senarai larangan yang dinyatakan dalam klausa (a) – (c) adalah tidak menyeluruh dan Bank adalah bebas untuk menambah / mengubah senarai barangan yang dilarang dari semasa ke semasa.

3.4 Jika Bank mendapati bahawa Ahli Kad melanggar mana-mana perkara yang dinyatakan di atas, Bank boleh atas budi bicaranyanya dengan serta merta menggantung, membatalkan atau menamatkan kad tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad. Mana-mana hutang yang tertunggak dan jumlah yang dicaj kepada Kad pada tarikh penamatan di bawah klausa ini tidak akan menjadi suatu pembelaan untuk tidak membayar jumlah yang perlu dibayar ke atas Akaun Kad oleh Ahli Kad.

3.5 Ahli Kad mesti dengan segera memaklumkan Bank secara bertulis mengenai:

- Hasrat Ahli Kad untuk bermastautin di luar Negara Brunei Darussalam; atau
- Sebarang perubahan dalam butir-butir atau maklumat lain yang dinyatakan dalam Permohonan atau apa-apa maklumat atau butir-butir lain dimaklumkan kepada Bank dari semasa ke semasa, termasuk sebarang perubahan alamat kediaman atau pejabat Ahli Kad atau pekerjaan atau jawatan dengan majikannya.

3.6 Ahli Kad hendaklah memberi Bank apa-apa maklumat dan dokumen yang dikehendaki oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya dari semasa ke semasa.

3.7 Tiada pembayaran balik yuran tahunan atau yuran lain yang dibayar jika Bank membatalkan, menamatkan atau menggantung hak Ahli Kad untuk menggunakan Kad.

4. AKAUN KAD

4.1 Bank hendaklah membuka dan menyenggarakan Akaun Kad atas nama Ahli Kad dan Bank adalah diberi kuasa oleh Ahli Kad untuk menandatangani mana-mana Transaksi Kad kepada Akaun Kad.

4.2 Jika Ahli Kad menghubungi Bank bagi memohon kebenaran untuk Ahli Kad membayar, dengan menggunakan Kad, nilai Transaksi Kad hendaklah dengan serta merta didebitkan dari Had Kad yang ada. Ahli Kad tidak boleh melebihi Had Kad dan jika Had Kad melebihi, Ahli Kad hendaklah dengan serta merta membayar lebihan berkenaan termasuk mana-mana bayaran atau tunggakan dan mana-mana jumlah yang berkaitan dengan penggunaan tanpa kebenaran Kad atau penggunaan Kad yang menyalahi Terma ini. Bank hendaklah menghantar penyata bulanan akaun Ahli Kad yang menunjukkan jumlah yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank. Ahli Kad bersetuju untuk membayar jumlah yang perlu dibayar pada tarikh akhir seperti yang tercatat di dalam penyata. Bayaran tidak akan dianggap telah dibuat sehingga tarikh ia dimasukkan ke dalam Akaun Kad.

4.3 Walau apa pun peruntukan Klausa 4.1 di atas, Ahli Kad memberi kuasa Bank, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk menandatangani mana-mana akaun yang ada dengan Bank atas nama Ahli Kad untuk mendapatkan semula mana-mana jumlah tertunggak yang perlu dibayar kepada Bank.

4.4 Mana-mana Transaksi Kad yang dibuat dalam matawang selain daripada matawang bil akan ditukar ke dalam matawang bil (pilihan BIBD, mengikut budi bicara mutlaknyanya) pada tarikh menandatangani Akaun Kad. Kadar pertukaran yang digunakan oleh Bank adalah selaras dengan amalan pasaran Bank. Bank juga diberi kuasa untuk mengenakan komisen pertukaran dan komisen bank bagi pertukaran matawang berkenaan ke dalam matawang bil.

4.5 Permohonan yang dibuat melalui surat, telefon, faksimili atau kaedah perhubungan yang lain kepada Peniaga untuk bekalan barangan dan / atau perkhidmatan atau dikenakan ke Akaun Kad, sama ada dibenarkan atau tidak oleh Ahli Kad dan sama ada draf jualan, baucar dan dokumen yang ditandatangani oleh Ahli Kad, adalah dianggap Transaksi Kad yang sah. Bank akan menandatangani Akaun Kad bagi Transaksi Kad tersebut.

4.6 Akaun Kad akan dikreditkan dengan bayaran balik berkaitan dengan Transaksi Kad hanya sekiranya Bank menerima pengesahan bayaran balik yang diterima oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya. Jika Ahli Kad membuat tuntutan terhadap pihak ketiga berkaitan dengan Transaksi Kad, tuntutan tersebut tidak boleh tertakluk kepada antara pembela, pembelaan atau tuntutan balas terhadap Bank.

4.7 Ahli Kad tidak berhak untuk menyerahkan hak atau memindahkan apa-apa hak terhadap Bank.

4.8 Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad sekiranya pihak ketiga menolak untuk menerima Kad tersebut.

5. HAD BERGABUNG / BERASINGAN

5.1 Ahli Kad dengan ini mengaku janji untuk mematuhi Had Kad dan tidak boleh menyebabkan jumlah agregat obligasi Ahli Kad melebihi had gabungan yang dibenarkan di bawah Akaun Kad pada bila-bila masa.

5.2 Jika Ahli Kad memohon untuk mendapatkan Had Bergabung, Ahli Kad mengakui dan bersetuju bahawa Bank boleh, mengikut budi bicara mutlaknyanya, memberikan Ahli Kad dengan Had Bergabung yang sama atau lebih rendah dari had kredit yang dipohon oleh Ahli Kad.

5.3 Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa tanpa menjejaskan hak Bank pada bila-bila masa, Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya dan tanpa notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad, untuk menyekat, menghadkan atau mengurangkan Had Kad Ahli Kad.

5.4 Jika menurut penilaian semula Bank, Had Kad Ahli Kad dikurangkan dan baki terkini semua Akaun Kad Ahli Kad melebihi had kredit yang disemak semula bagi semua Akaun Kad Ahli Kad, Ahli Kad mengaku janji untuk menyelesaikan dengan segera mana-mana / semua jumlah yang melebihi Had Kad kepada Bank. Ahli Kad bersetuju bahawa Bank tidak menanggung sebarang tanggungjawab atau kewajipan untuk memastikan bahawa gabungan Had Ahli Kad tidak melebihi.

5.5 Ahli Kad dengan ini memahami dan bersetuju bahawa jika Ahli Kad menggunakan dua atau lebih Akaun Kad, Ahli Kad boleh, atas permintaan Ahli Kad, akan disediakan Had Berasingan bagi setiap Akaun Kad untuk menampung penggunaan setiap Kad yang dipegang oleh Ahli Kad dan / atau Ahli Kad Tambahan. Ahli Kad dengan ini mengaku janji untuk menggunakan cagar / jaminan yang diberikan kepada salah satu daripada Akaun Kad untuk menyelesaikan sebarang baki yang belum dijelaskan berkenaan dengan Akaun Kad yang lain.

5.6 Walau apa pun peruntukan mana-mana Terma yang ditetapkan di sini, Ahli Kad dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa Had Kad akan bergantung kepada penggunaan setiap Kad Ahli Kad dan pembayaran kepada Akaun Kad hendaklah dilaksanakan secara berasingan oleh Ahli Kad bagi semua Kad dengan masing-masing mempunyai bil dan bayaran minimum yang berasingan.

5.7 Jika berlaku keingkaran atau tidak membayar obligasi Ahli Kad pada salah satu atau lebih Akaun Kad Ahli Kad setelah menerima Penyata dan / atau apa-apa notis bertulis yang lain sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Bank, Ahli Kad hendaklah membuat bayaran sepenuhnya bagi semua baki yang belum dijelaskan dalam Akaun Kad, dan Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya membatalkan hak Ahli Kad untuk menggunakan semua atau sebahagian daripada Kad. Ahli Kad memberi kuasa Bank untuk membuat pemotongan langsung hutang dari mana-mana akaun Ahli Kad.

6. BAYARAN / PENYATA

6.1 Bank akan menghantar Penyata kepada Ahli Kad yang menunjukkan jumlah yang perlu dibayar oleh Ahli Kad pada setiap bulan atau secara berkala seperti yang dianggap sesuai oleh Bank. Jika pihak Bank tidak dapat untuk menghantar Penyata atas apa-apa sebab, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad dan liabiliti Ahli Kad kepada Bank tidak akan terhenti.

- 6.2 Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar Baki Baru seperti yang ditunjukkan di dalam Penyata, di mana pembayaran mestilah diterima oleh Bank pada atau sebelum Tarikh Akhir Pembayaran. Walau bagaimanapun, Ahli Kad boleh memilih untuk membayar Bayaran Minimum yang perlu dibayar seperti yang dinyatakan di dalam penyata itu.
- 6.3 Bayaran yang dibuat kepada Bank bagi mana-mana jumlah adalah dianggap tidak diterima sehingga pada masa dana yang berkaitan telah diterima untuk dinilai oleh Bank.
- 6.4 Jika Bank tidak menerima bayaran penuh Baki Baru seperti yang ditunjukkan dalam Penyata pada atau sebelum Tarikh Akhir Pembayaran, Bank berhak untuk mengenakan Yuran Pengurusan dan mendebit semua caj dan yuran ke Akaun Kad yang dikira menurut Klausula 8.
- 6.5 Sebarang bayaran cek akan diterima untuk kutipan sahaja dan hasilnya tidak boleh digunakan sehingga cek tersebut telah disahkan dan hasil yang dibayar kepada Bank oleh bank pembayar.
- 6.6 Bayaran Minimum yang perlu dibayar seperti yang ditunjukkan dalam Penyata adalah dikira seperti berikut:
- 8% daripada Baki Tertunggak atau \$40, yang mana lebih tinggi;
 - Jika Baki Tertunggak melebihi Had Kad, 8% daripada Baki Tertunggak campur jumlah yang melebihi Had Kad.
- 6.7 Ahli Kad mengakui bahawa Bayaran Minimum yang ditetapkan adalah tertakluk kepada perubahan peraturan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa.
- 6.8 Tanpa menjejaskan mana-mana hak atau remedi lain yang Bank mungkin ada, Bank berhak untuk segera menggantung penggunaan Kad oleh Ahli Kad sehingga Ahli Kad telah membayar Bayaran Minimum yang perlu dibayar.
- 6.9 Walauapapun dan tanpa menjejaskan Terma lain, Ahli Kad hendaklah dengan serta merta membayar Hutang sepenuhnya atas permintaan Bank yang mana boleh dilakukan pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknyanya.
- 6.10 Semua bayaran yang perlu dibayar oleh Ahli Kad hendaklah dibuat dalam Dolar Brunei Darussalam ("BND"). Jika mana-mana bayaran diterima atau diperolehi oleh Bank (mengikut mana-mana yang berkenaan) dalam matawang selain daripada BND, Bank akan menukar pada masa dan kadar pertukaran seperti yang Bank boleh gunakan mengikut amalan pasaran Bank dan Ahli Kad hendaklah menanggung kerugian Bank sepenuhnya terhadap semua risiko pertukaran, kerugian dan caj yang dialami atau ditanggung oleh Bank disebabkan oleh pertukaran tersebut.
- 6.11 Semua bayaran yang diperuntukkan oleh Terma ini yang perlu dibayar oleh Ahli Kad hendaklah dibuat sepenuhnya tanpa sebarang potongan atau penahanan (sama ada berkaitan dengan tolakan, tuntutan balas, duit, cukai, atau sebaliknya) kecuali potongan atau penahanan sedemikian dikehendaki oleh undang-undang. Jika mana-mana potongan atau penahanan dikehendaki oleh undang-undang, Ahli Kad hendaklah dengan serta merta membayar Bank jumlah tambahan sehingga jumlah bersih yang diterima dan disimpan oleh Bank adalah sama dengan apa yang Bank akan terima dan simpan jika potongan atau penahanan tersebut tidak berlaku.
- 6.12 Bank hanya akan mengkreditkan Akaun Kad dengan bayaran balik berkaitan dengan sesuatu Transaksi Kad atau apa-apa bayaran yang dibuat kepada Akaun Kad atau mana-mana kredit lain kerana Ahli Kad mengikut amalan biasa jika dan apabila Bank menerima jumlah pembayaran balik itu, bayaran atau kredit di Negara Brunei Darussalam.
- 6.13 Semua rekod dan catatan dalam Penyata itu adalah dianggap sebagai betul dan mengikat Ahli Kad kecuali Ahli Kad memaklumkan Bank secara bertulis mengenai sebarang percanggahan dalam Penyata dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Penyata. Semua aduan / pertikaian yang diterima oleh Bank selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan. Isi kandungan Penyata akan menjadi keterangan muktamad mengenai liabiliti Ahli Kad kepada Bank mengenai jumlah yang dinyatakan di sini.
7. **PENGELUARAN WANG TUNAI**
- 7.1 Ahli Kad boleh menggunakan Kad untuk mendapatkan wang tunai mengikut had yang ditetapkan sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Setiap dan untuk mana-mana Pengeluaran wang Tunai daripada Mesin Juruwang Automatik ("ATM") atau kaunter Bank hendaklah tertakluk kepada baki di dalam Akaun Kad Ahli Kad pada masa membuat pengeluaran. Bagi Pengeluaran Wang Tunai dari ATM atau kaunter Bank, Ahli Kad boleh mendapatkan keterangan mengenai Yuran dari Lembaran Fakta dan juga laman web Bank.
- 7.2 Bank adalah bebas untuk mengubah had minimum dan maksimum pengeluaran wang tunai dari semasa ke semasa sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Bank.
8. **YURAN**
- 8.1 Ahli Kad mengakui bahawa Bank berhak untuk mengenakan Yuran Pengurusan bulanan bagi perkhidmatan Wakalah yang ditawarkan kepada Ahli Kad.
- 8.2 Yuran Pengurusan adalah tetap dan dikira pada kadar yang digunakan kepada Had Kad yang ditetapkan oleh Bank.
- 8.3 Bank boleh pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, memberikan Ahli Kad mengikut budi bicaranya lbra ke atas Yuran Pengurusan yang dikenakan berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada corak pembayaran dan penggunaan Had Kad. Bagi mengelakkan keraguan, rebat hanya ditawarkan kepada transaksi runcit termasuk internet dan e-Dagang berdasarkan transaksi dan tidak termasuk mana-mana pengeluaran wang tunai dan / atau mana-mana Yuran Pengurusan yang belum dibayar.
- 8.4 Di samping itu, Bank berhak untuk mengenakan caj dan mendebit yuran ke Akaun Kad yang hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- Yuran Tahunan yang ditetapkan oleh Bank ke atas pengeluaran dan pembaharuan Kad; dan
 - Yuran Pengendalian bagi mana-mana cek atau arahan pembayaran kepada Bank yang tidak disahkan atas sebarang alasan dan / atau bagi mana-mana Transaksi Kad yang melebihi had kredit yang ditetapkan; dan
 - Yuran Penggantian bagi penggantian Kad atau penyediaan, pembekalan atau salinan mana-mana rekod, penyata, draf jualan, baucar kredit atau dokumen lain yang berkaitan dengan penggunaan kad bagi Akaun Kad atas permintaan Ahli Kad; dan
 - Mana-mana yuran yang berkaitan dengan pengeluaran Kad Tambahan.
- 8.5 Bank adalah bebas untuk mengubah Yuran Pengurusan atau mana-mana yuran lain yang dikenakan dengan memberikan notis yang munasabah kepada Ahli Kad bagi sebarang perubahan Yuran melalui apa-apa cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya.
- 8.6 Ahli Kad boleh mendapatkan maklumat mengenai dengan Tarif Yuran dan Caj Bank di mana-mana cawangan Bank atau melalui laman web Bank di www.bibd.com.bn.
9. **KAD TAMBAHAN**
- 9.1 Atas permintaan Ahli Kad Utama, Bank boleh mengeluarkan mengikut budi bicara mutlaknyanya Kad Tambahan kepada seseorang yang berumur 18 tahun dan ke atas, dilantik oleh Ahli Kad Utama sebagai Ahli Kad Tambahan. Kad Tambahan, PIN, Penyata dan semua komunikasi akan dihantar atau diberikan mengikut Terma ini kepada Ahli Kad Utama.
- 9.2 Ahli Kad Tambahan dengan ini juga akan terikat dengan Terma ini.
- 9.3 Jika Kad Tambahan di keluarkan, Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan adalah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan ke atas semua caj dan / atau bagi hutang agregat yang ditanggung (sama ada ditanggung oleh Ahli Kad Utama atau Ahli Kad Tambahan) terhadap sama ada Akaun Kad Ahli Kad Utama atau Akaun Ahli Kad Tambahan atau kedua-duanya.
- 9.4 Semua akuanji, liabiliti dan obligasi Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan tidak terjejas atau terkesan dalam apa jua cara oleh mana-mana pertikaian atau tuntutan balas hak tolakan yang Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan mungkin ada terhadap satu sama lain.
- 9.5 Had Kad untuk Akaun Kad adalah had gabungan yang berkenaan kepada Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan secara kolektif. Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan tidak boleh membiarkan Hutang yang dilakukan di bawah atau melalui Kad masing-masing melebihi Had Kad mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 9.6 Tanpa menjejaskan terma dan syarat lain, Ahli Kad Utama dengan ini bersetuju dan / atau mengaku janji untuk membuat semua bayaran yang berkaitan dengan penggunaan Kad. Bank adalah bebas untuk menggunakan semua atau mana-mana bayaran yang diterima untuk sebarang Hutang yang ditanggung oleh Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan dalam apa-apa cara lain sebagaimana yang Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya anggap sesuai dan perlu.
- 9.7 Ahli Kad Utama memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan, atas budi bicara mutlak Bank, butiran-butir Akaun Kad kepada Ahli Kad Tambahan dan / atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang Bank fikirkan patut untuk membuat pendedahan itu dalam menguatkuasakan hak Bank di bawah Terma ini.

- 9.8 Ahli Kad Utama boleh pada bila-bila masa memohon secara bertulis untuk Bank menamatkan mana-mana penggunaan Kad tambahan oleh Ahli Kad Tambahan.
- 9.9 Ahli Kad Tambahan boleh menamatkan penggunaan Kad Tambahan pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Bank.
- 9.10 Obligasi dan liabiliti masing-masing Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan di bawah Terma ini akan berterusan walaupun penggunaan Kad Tambahan ditamatkan.
- 9.11 Semua komunikasi, yang diberikan mengikut Klausul 19.2 kepada Ahli Kad Utama atau Ahli Kad Tambahan adalah dianggap telah dihantar atau diberikan kepada kedua-duanya. Ahli Kad Utama dan Ahli Kad Tambahan bersetuju untuk terikat dengan semua arahan dan permintaan yang dibuat sama ada secara bertulis atau lisan sama ada dari Ahli Kad Utama atau Ahli Kad Tambahan kepada Bank.
- 9.12 Tanpa menjejaskan Terma lain di sini, Ahli Kad Utama bersetuju untuk menanggung rugi Bank ke atas semua kos, yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank yang timbul dari atau yang berkaitan dengan tuntutan, permintaan, prosiding undang-undang atau tindakan oleh Bank ke atas mana-mana Ahli Kad Tambahan.
- 10. PIN**
- 10.1 PIN boleh diambil oleh Ahli Kad sendiri atau dihantar melalui pos kepada Ahli Kad atas permintaan Ahli Kad atas risiko tunggal Ahli Kad.
- 10.2 Ahli Kad tidak boleh mendedahkan PIN kepada mana-mana orang lain dan hendaklah mengambil semua langkah yang perlu untuk mengelakkan PIN daripada diketahui oleh mana-mana orang lain.
- 11. PERLINDUNGAN TAKAFUL**
- 11.1 Ahli Kad akan disediakan dengan Perlindungan Takaful oleh Pembekal Takaful yang dibenarkan oleh Bank. Ahli Kad mengakui bahawa dengan mendapatkan perlindungan Takaful, Ahli Kad adalah tertakluk kepada terma dan syarat Pembekal Takaful yang mengawal perlindungan tersebut.
- 11.2 Ahli Kad mengakui bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atas tawaran mana-mana bentuk bantuan dalam menyelesaikan mana-mana pertikaian yang berkaitan dengan Perlindungan Takaful. Semua pertikaian akan diselesaikan di antara Ahli Kad dan Pembekal Takaful tanpa menuntut balik kepada Bank.
- 11.3 Ahli Kad bersetuju bahawa Ahli Kad akan membuat urusan secara langsung dengan Pembekal Takaful bagi penyelesaian mana-mana pertikaian / tuntutan.
- 12. KEHILANGAN / KECURIAN KAD / PENDEDAHAN PIN**
- 12.1 Ahli Kad mesti pada setiap masa mengambil segala langkah yang munasabah untuk menyimpan Kad di tempat yang selamat dan perlu berhati-hati dan berusaha untuk memastikan keselamatan Kad dan PIN tidak didedahkan kepada mana-mana orang.
- 12.2 Jika Kad hilang, dicuri dan / atau jika PIN didedahkan kepada pihak ketiga, Ahli Kad hendaklah:
- a) Untuk tempatan:
 - i) Memaklumkan Pusat Perhubungan Bank dengan segera mengenai kehilangan / kecurian Kad.
 - ii) Bank mungkin memerlukan maklumat lanjut dari Ahli Kad berkaitan dengan kehilangan / kecurian Kad.
 - b) Untuk di luar negara:
 - i) Memaklumkan Bank dan / atau Visa / MasterCard dengan segera untuk menyekat atau menyahaktifkan Kad Ahli Kad.
 - ii) Bank boleh, mengikut budi bicara mutlaknyanya dan bergantung kepada lokasi Ahli Kad pada masa kejadian itu, mengeluarkan kad gantian kecemasan dan / atau memberikan Ahli Kad dengan wang tunai pendahuluan kecemasan.
- 12.3 Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas berlakunya mana-mana / semua Transaksi Kad yang tidak dibenarkan daripada sebahagian / semua penggunaan Kad tanpa kebenaran:
- a) Sehingga dan kecuali Bank dimaklumkan secara bertulis mengenai dengan penggunaan tanpa kebenaran berkenaan dan / atau;
 - b) Jika menurut suatu siasatan yang dibuat oleh Bank atau pihak Polis, didapati bahawa tindakan Ahli Kad yang menyebabkan Kad digunakan oleh orang yang tidak dibenarkan.

- 12.4 Tertakluk kepada Bank berpuas hati bahawa Ahli Kad telah mematuhi Klausul 12.1 dan 12.2 di atas, Bank boleh menghadkan liabiliti Ahli Kad untuk sebarang transaksi Kad yang tidak dibenarkan yang berlaku selepas makluman diterima oleh Bank, tertakluk kepada had yang dikenakan oleh Bank seperti yang dinyatakan di dalam Lembaran Fakta sebagaimana yang diperuntukkan di dalam ini. Had liabiliti ini tidak termasuk Transaksi Kad yang dilaksanakan melalui penggunaan PIN.
- 12.5 Atas permintaan Ahli Kad bagi Kad Penggantian Kecemasan atau Wang Tunai Pendahuluan Kecemasan, Ahli Kad hendaklah memberi Bank atau Visa / MasterCard dengan maklumat yang tepat yang diperlukan untuk memastikan bahawa Bank boleh, dengan usaha yang munasabah, untuk menghantar Kad Penggantian Kecemasan atau menyediakan Wang Tunai Pendahuluan Kecemasan kepada Ahli Kad dalam masa, tarikh dan tempat koleksi. Ahli Kad mengakui bahawa penyerahan Kad Penggantian Kecemasan bergantung kepada lokasi penghantaran dan beberapa seketan yang mungkin memberi kesan kepada tempoh masa penghantaran.
- 12.6 Bank dan / atau Visa / MasterCard tidak akan bertanggungjawab ke atas kelambatan Ahli Kad dalam menerima Kad Penggantian Kecemasan dan / atau Wang Tunai Pendahuluan Kecemasan yang disebabkan oleh kegagalan Ahli Kad untuk mematuhi Klausul 12.4 di atas.
- 12.7 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara bagaimanapun bagi sebarang kelambatan dalam penghantaran Kad Penggantian Kecemasan dan / atau Wang Tunai pendahuluan Kecemasan kepada Ahli Kad.
- 12.8 Bank boleh, mengikut budi bicara mutlaknyanya, mengeluarkan Kad gantian atau PIN baru tertakluk kepada Terma seperti yang Bank fikirkan patut, dan Bank berhak untuk mengenakan Yuran Penggantian sebagaimana yang dinyatakan dalam Klausul 8.4 (c) di atas.
- 12.9 Jika Kad hilang atau dicuri atau jika seseorang mempunyai akses pada PIN, Ahli Kad hendaklah dengan segera menghubungi Pusat Perhubungan Bank.
- 13. PENAMATAN**
- 13.1 Tanpa menjejaskan mana-mana hak lain Bank yang terkandung dalam Terma ini, Bank adalah berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya untuk menamatkan Akaun Kad atau penggunaan mana-mana Kad atau mana-mana perkhidmatan kad yang berkaitan pada bila-bila masa, tanpa sebarang liabiliti kepada Ahli Kad dan tanpa memberikan sebarang alasan atau notis mengenainya.
- 13.2 Ahli Kad boleh menamatkan Akaun Kad dengan menyediakan Bank dengan notis bertulis tentang hasrat tersebut dan membayar Hutang sepenuhnya. Sesudah itu Akaun Kad akan ditamatkan.
- 13.3 Selepas penamatan Kad oleh Bank atas apa jua sebab, semua hutang akan dengan segera perlu dibayar dan atas permintaan Bank Ahli Kad akan membuat pembayaran penuh dengan segera jika semua hutang termasuk semua Kad Transaksi yang dilakukan tapi belum didebit ke Akaun Kad. Sekiranya gagal, Bank adalah bebas untuk memulakan tindakan undang-undang untuk mendapatkan semula sebahagian / semua jumlah yang tertunggak kepada Bank.
- 13.4 Kewajipan Ahli Kad sebagaimana yang ditetapkan di sini akan berterusan walaupun Akaun Kad ditamatkan atas apa-apa sebab.
- 14. BERLAKU KEINGKARAN**
- 14.1 Tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, Bank boleh menamatkan Akaun Kad atau penggunaan mana-mana Kad apabila berlakunya salah satu atau lebih daripada perkara yang berikut:
- a) Jika Ahli Kad gagal, enggan dan / atau mengabaikan membayar Bayaran Minimum dan / atau baki tertunggak seperti yang dinyatakan dalam Penyata;
 - b) Jika Akaun Kad ditamatkan oleh Bank mengikut Klausul 12.3;
 - c) Jika mana-mana prosiding undang-undang atau muflis dimulakan terhadap Ahli Kad;
 - d) Jika Ahli Kad tidak dapat dikesan atau dicari dan Ahli Kad tidak dapat dihubungi oleh Bank;
 - e) Jika Ahli Kad di bawah Penerimaan atau Pemegang Amanah yang dilantik untuk menguruskan aset atau harta Ahli Kad;
 - f) Jika berlakunya kematian atau ketidakupayaan kesihatan Ahli Kad;
 - g) Jika, dalam pandangan Bank, Ahli Kad telah gagal untuk mematuhi dan / atau melanggar mana-mana obligasinya di bawah Terma ini; atau
 - h) Jika Ahli Kad menarik diri atau menggunakan cagaran pada mana-mana Akaun Kad dan tidak dapat menggantikan cagaran yang mencukupi untuk menggantikan perkara yang sama.
- 14.2 Jika berlaku keingkaran, Bank berhak untuk memulakan prosiding undang-undang terhadap Ahli Kad untuk mendapatkan semula Hutang yang terhutang kepada Bank dan Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar semua kos guaman dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank dalam proses pemulihan termasuk yuran pelanggan dan peguamcara atas dasar ganti rugi penuh.

15. PENCEKUALIAN DAN PENYINGKIRAN

- 15.1 Bank tidak akan dalam apa jua keadaan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa jua cara dan Ahli Kad tidak akan membuat tuntutan terhadap Bank bagi ganti rugi, yang dialami atau kerugian yang ditanggung oleh Ahli Kad termasuk kehilangan reputasi atau rasa malu:
- Berkaitan dengan apa-apa implikasi yang timbul daripada:
 - Apa-apa pengantungan atau sekatan yang dikenakan oleh Bank atas penggunaan Kad oleh Ahli Kad;
 - Apa-apa penolakan atau pembatalan di pihak Bank untuk membarui Kad;
 - Apa-apa penahanan Kad atau penolakan oleh mana-mana Pedagang, institusi kewangan atau pihak ketiga atas apa-apa sebab untuk menerima Kad tersebut;
 - Penarikan semula, perubahan, pindaan atau sekatan ke atas semua atau mana-mana manfaat dan keistimewaan yang diberikan kepada Ahli Kad di bawah Kad dan / atau Akaun Kad.
 - Hasil daripada apa-apa tindakan, kesilapan atau pengabaian di pihak Pedagang bagaimanapun dilakukannya;
 - Bank tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Terma ini disebabkan oleh akibat secara langsung / tidak langsung mana-mana Transaksi Kad (termasuk pengeluaran / pendahuluan wang tunai kecemasan) yang dibuat dan penggunaan mana-mana kemudahan yang berkaitan dengan Kad dan / atau Akaun Kad;
 - Hasil langsung / tidak langsung mana-mana Transaksi Kad yang dibuat dan penggunaan mana-mana kemudahan yang berkaitan dengan Kad dan / atau Akaun Kad; dan / atau
 - Oleh kerana kecacatan atau kekurangan dalam kualiti barangan dan / atau perkhidmatan yang dibeli atau dibekalkan oleh Pedagang yang berkaitan dengan Akaun Kad.
- 15.2 Semua pertikaian, aduan dan tuntutan berkaitan dengan mana-mana barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh Peniaga hendaklah diselesaikan secara langsung dengan Peniaga. Ahli Kad bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan Bank atas apa-apa tuntutan dan / atau pertikaian tersebut. Ahli Kad mengakui bahawa tuntutan / pertikaian tersebut tidak akan melepaskan Ahli Kad dari kewajiban untuk membayar jumlah yang perlu dibayar ke atas Akaun Kad kepada Bank.
- 15.3 Jika Ahli Kad memegang Visa / MasterCard, Ahli Kad tidak akan menjadikan pihak Bank bertanggungjawab jika apabila menerima arahan dari Ahli Kad bersama dengan PIN Ahli Kad dan apa-apa pengesahan lain, Bank tidak dapat menjalankan dengan segera mana-mana permintaan untuk pengeluaran Wang Tunai Kecemasan, Kad Gantian Kecemasan, atau / dan mana-mana kemudahan lain yang ditawarkan oleh Bank.
- 15.4 Ahli Kad boleh berhak untuk atau boleh memohon produk dan perkhidmatan tertentu dari semasa ke semasa yang dibekalkan oleh pembekal pihak ketiga yang diuruskan dan atau dibayar oleh Visa / MasterCard atau Bank di bawah mana-mana program, tertakluk kepada terma semasa penggunaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Visa / MasterCard atau Bank.
- 15.5 Ahli kad bersetuju bahawa produk dan perkhidmatan tersebut boleh diubah atau ditarik balik pada bila-bila masa dari semasa ke semasa oleh Visa / MasterCard atau Bank (jika berkenaan) tanpa sebarang notis kepada Ahli Kad. Ahli Kad seterusnya bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan Bank dan / atau Visa / MasterCard terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh Ahli Kad yang timbul secara langsung atau tidak langsung (termasuk, kerugian atau kerosakan khas, sampingan atau berbangkit) dari penggunaan produk dan perkhidmatan berkenaan atau yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan berkenaan atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga, jika timbul.
- 15.6 Tanpa menjejaskan peruntukan lain dalam terma dan syarat ini, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa-apa bentuk, yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad berkenaan dengan atau berkaitan dengan Akaun Kad.
16. PERUBAHAN TERMA
- 16.1 Bank adalah berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk meminda, mengubah atau mengubahsuai terma pada bila-bila masa sama ada dengan memberikan notis kepada Ahli Kad atau dalam apa-apa cara lain sebagaimana yang dipilih oleh Bank; perubahan tersebut yang dimaklumkan sedemikian akan mengikat Ahli Kad, berkuat kuasa dari tarikh yang ditentukan oleh Bank.
- 16.2 Jika Ahli Kad tidak menerima mana-mana perubahan pada Terma ini, Ahli Kad boleh menamatkan Akaun Kadnya mengikut Klausula 13.
- 16.3 Jika Ahli Kad mengekalkan atau menggunakan Kad atau PIN setelah Bank memberikan Ahli Kad notis mengenai mana-mana perubahan pada Terma, Ahli Kad adalah dianggap telah menerima dan bersetuju ke atas perubahan tersebut.

17. PENDEDAHAN MAKLUMAT

